



## Sejarah pembasmian penggunaan dan perdagangan candu di Negeri-negeri Selat tahun 1908-1940

Lim Sel Fang, Nordin Hussin

Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Lim Sel Fang (email: limselfang@yahoo.com)

### Abstrak

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji perkembangan gerakan membasmikan penggunaan dan perdagangan candu di Negeri-negeri Selat dari tahun 1908 hingga 1940. Kajian ini dilakukan kerana penulisan yang menjurus berkenaan isu candu adalah lebih terfokus kepada perkembangan candu sebelum tahun 1908. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengisi kekurangan penulisan dalam sejarah anti-candu di Tanah Melayu. Kaedah kualitatif digunakan untuk melaksanakan kajian ini di samping merujuk kepada sumber primer dan sekunder. Kajian membuktikan dalam gerakan anti-candu di Negeri-negeri Selat, kerajaan British telah mengambil banyak langkah untuk membasmikan penggunaan dan perdagangan candu. Masyarakat Cina juga turut berperanan dalam gerakan anti-candu di Negeri-negeri Selat. Dalam gerakan anti-candu di Negeri-negeri Selat, kerajaan British telah memainkan peranan yang sangat penting. Antaranya dengan mengharamkan penjualan candu di rumah pelacuran, memonopoli semua urusan yang berkaitan dengan candu, dan menubuhkan hospital kerajaan sebagai pusat pemuliharan candu. Gerakan anti-candu ini telah membawa kepada pengurangan penggunaan dan perdagangan candu di Negeri-negeri Selat.

**Kata kunci:** British, candu, gerakan anti-candu, masyarakat Cina, Negeri-negeri Selat, Tanah Melayu

## The history of eradicating and trading of opium in the Straits Settlements from 1908-1940

### Abstract

This research is conducted to study the development of the movement to eradicate the use and trade of opium in the Straits Settlements, from years 1908 until 1940. This research is conducted due to the reason that other writings on the topic of opium are mostly focused on the development of opium before the year 1908. Therefore, this research is conducted to fill in the lacuna of the writings on anti-opium history in the Tanah Melayu. The qualitative method is used to conduct this research. The researcher has obtained primary and secondary sources. The findings from this research proofed that the British government had taken various steps to eradicate the use and trade of opium in the anti-opium movement in the Straits Settlement. The Chinese community also had played a role in the anti-opium movement in the Straits Settlements. Therefore, the British government efforts in the movement of anti-opium had played a very important role in the Straits Settlements.

**Keywords:** British, opium, anti-opium movement, Chinese community, Straits Settlements, the Tanah Melayu

## Pengenalan

Candu merupakan barang dagangan yang penting dalam aktiviti perdagangan di Asia pada abad ke-19. Di Tanah Melayu, candu juga merupakan komoditi yang penting di mana Negeri-negeri Selat banyak menjalankan import dan eksport candu semasa zaman British dan Belanda. (Nordin, 2007). Secara umumnya, perdagangan candu dijalankan oleh pedagang Cina di Tanah Melayu. Di Tanah Melayu, Pulau Pinang dan Singapura telah menjadi pusat perdagangan candu. Perdagangan candu telah membawa keuntungan yang sangat lumayan kepada British di Tanah Melayu. Ini kerana British mengutip cukai candu yang tinggi daripada para pemajak sistem pajak gadai candu (*opium revenue farms*) yang menjalankan perdagangan candu di Tanah Melayu. Biasanya, para pemajak sistem pajak gadai candu terdiri daripada peniaga Cina yang kaya dan berkuasa. Cukai candu yang dibayar oleh mereka telah menyumbang kepada 40% hingga 60% daripada jumlah pendapatan yang diterima oleh British pada abad ke-19. Candu bukan sahaja menyumbang kepada pendapatan British di Tanah Melayu, tetapi juga menyumbang kepada pendapatan kuasa kolonial lain di Asia Tenggara seperti Belanda di Java (Trocki, 2009). Candu telah membawa pendapatan kepada pihak kolonial melalui dua cara iaitu melalui cukai candu dan juga perdagangan candu. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa candu adalah penting sebagai satu sumber pendapatan kepada kuasa kolonial.

Candu adalah sangat penting dalam menyumbang kepada pendapatan British di Tanah Melayu. Namun, penggunaan candu telah membawa masalah ekonomi dan sosial kepada masyarakat yang menggunakan candu khususnya masyarakat Cina. Gerakan anti-candu yang dijalankan di China secara tidak langsung turut mempengaruhi masyarakat Cina di seberang laut termasuk Tanah Melayu. Oleh itu, masyarakat Cina di Tanah Melayu turut memulakan usaha untuk membasi penggunaan dan perdagangan candu bagi memastikan kebijakan dan kepentingan orang Cina dapat dijamin. Gerakan anti-candu yang dijalankan umpama gerakan anti-alkohol yang dijalankan di Barat. Di negara Barat seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom, mereka tidak mempunyai amalan untuk menghisap candu, tetapi mereka mempunyai tabiat untuk minum minuman keras. Gerakan anti-alkohol yang dijalankan di negara Barat dilihat mendapat kesan yang baik dalam kalangan masyarakat Barat yang minum minuman alkohol. Oleh itu, gerakan anti-candu pun dijalankan di Tanah Melayu. Usaha untuk membasi perdagangan dan penggunaan candu yang dijalankan di Tanah Melayu bukan sahaja mendapat sokongan daripada golongan Cina, tetapi pada masa yang sama juga disokong oleh sesetengah pegawai British (Toda, 2012). Oleh itu, kajian ini membincangkan usaha-usaha yang dilakukan di Negeri-negeri Selat untuk membasi perdagangan dan penggunaan candu dari tahun 1908 hingga tahun 1940.

## Persidangan Candu Antarabangsa di The Hague

Faktor utama yang membawa kepada usaha membasi penggunaan dan perdagangan candu di Tanah Melayu ialah British telah menandatangani perjanjian dalam Persidangan Candu Antarabangsa yang dijalankan di The Hague. Sebelum termeterainya perjanjian Hague, sememangnya terdapat usaha anti-candu yang dijalankan di Negeri-negeri Selat. Namun, gerakan anti-candu yang dijalankan adalah kurang aktif. Pada tahun 1912, perjanjian Hague telah ditandatangani antara 12 buah negara iaitu British, Belanda, Parsi, Jepun, China dan sebagainya. Di bawah perjanjian yang ditandatangani dalam Konvensyen Candu Antarabangsa, kuasa-kuasa besar termasuk British bersetuju untuk mengatasi masalah candu. Antara syarat-syarat perjanjian adalah seperti yang berikut:

Artikel 1: Semua kuasa yang menandatangani perjanjian perlu mengawal pengeluaran dan pengedaran candu.

Artikel 3: Semua kuasa yang menandatangani perjanjian perlu mengelakkan pengekspor pantulan candu ke negara yang mengharamkan candu.

Artikel 7: Semua kuasa yang menandatangani perjanjian perlu mengharamkan pengeksportan candu dan penggunaan candu dengan secepat mungkin.

Artikel 9: Penggunaan dadah seperti candu, morfin dan kokain adalah untuk tujuan perubatan sahaja dan semua kuasa yang menandatangani perjanjian perlu mengelakkan penggunaan dadah untuk tujuan lain. (CO273/493/13022, 1919)

Pada tahun 1912, hanya terdapat 12 buah negara yang terlibat dalam perjanjian Hague. Pada tahun 1914 pula, anggota Konvensyen Candu Antarabangsa telah bertambah. Sebanyak 34 buah kuasa yang lain telah menganggotai Konvensyen Candu Antarabangsa. Oleh itu, pada tahun 1914, terdapat 46 kuasa yang menandatangani perjanjian Hague untuk membasi perdagangan dan penggunaan candu di dunia. Anggota Konvensyen Candu Antarabangsa yang semakin bertambah menunjukkan bahawa kesedaran untuk membasi perdagangan dan penggunaan candu telah semakin meningkat di peringkat antarabangsa. Pada tahun 1914, satu protokol ditandatangani oleh Amerika Syarikat, China, Belanda, Norway, Honduras dan anggota Konvensyen Hague. Mengikut protokol tersebut, kuasa-kuasa besar bersetuju untuk mengambil tindakan serta-merta untuk mengatasi masalah candu (CO273/493/13022, 1919). Konvensyen Candu Antarabangsa yang diadakan di The Hague melibatkan kuasa-kuasa besar di dunia untuk mengatasi masalah penyalahgunaan candu, morfin dan kokain. Di bawah Konvensyen Candu Antarabangsa, kuasa-kuasa besar bersetuju untuk mengatasi masalah candu dan menguatkuasakan undang-undang di negara masing-masing bagi membasi penggunaan candu. Walaupun British sangat bergantung pada candu untuk mengekalkan kepentingan ekonominya di India dan Tanah Melayu, tetapi atas persetujuan dan desakan dalam Konvensyen Candu Antarabangsa, British terpaksa akur dengan Konvensyen Candu Antarabangsa dan menjalankan gerakan anti-candu di kawasan jajahannya. Bahagian yang berikutnya akan membincangkan langkah-langkah membasi penggunaan dan perdagangan candu yang dilaksanakan dalam gerakan anti-candu di Negeri-negeri Selat.

#### *Usaha membasi penggunaan dan perdagangan candu oleh masyarakat Cina*

Di Negeri-negeri Selat, orang Cina telah melakukan usaha-usaha untuk membasi penggunaan dan perdagangan candu. Hal ini dikatakan sedemikian kerana mereka telah dipengaruhi oleh usaha membasi penggunaan dan perdagangan candu yang dijalankan di China. Oleh itu, orang Cina di Negeri-negeri Selat turut memulakan gerakan anti-candu. Antara langkah yang telah dilakukan oleh masyarakat Cina adalah menubuhkan Persatuan Anti-Candu di Singapura, Selangor dan Perak. Melalui persatuan-persatuan tersebut, kempen kesedaran dan gerakan anti-candu telah dilakukan. Biasanya, persatuan anti-candu adalah dianggotai oleh masyarakat Cina. Buktinya, terdapat 236 orang ahli dalam Persatuan Anti-Candu Perak. Daripada 236 ahli, terdapat 188 orang Cina yang datang dari negara China, 46 orang Cina yang lahir di Tanah Melayu, dan 2 orang Inggeris. Bagi Persatuan Anti-Candu Selangor pula, terdapat 129 orang ahli Cina di mana 59 orang ahli terdiri daripada orang Cina yang lahir di Malaya. Selain daripada Persatuan Anti-Candu Perak dan Selangor, terdapat juga Persatuan Anti-Candu Singapura. Namun, Persatuan Anti Singapura kurang aktif dan tidak berfungsi untuk menjalankan gerakan anti-candu. Seperti yang diketahui, orang Cina merupakan pengguna candu yang paling ramai, tetapi orang Cina tetap terlibat dalam usaha membasi penggunaan candu. Pada masa yang sama, mereka juga memberi sokongan supaya amalan menggunakan candu dalam kalangan masyarakat Cina dapat dihapuskan. (CO273/525/18501, 1924)

Selain daripada Persatuan Anti-Candu Singapura, terdapat lagi dua buah pertubuhan Cina di Singapura yang berperanan untuk menjalankan usaha-usaha anti-candu di Singapura. Kedua-dua pertubuhan itu adalah Lembaga Penasihat Cina dan Persatuan Perdagangan. Dalam usaha membasi penggunaan dan perdagangan candu, kedua-dua buah pertubuhan ini telah memberi cadangan kepada kerajaan untuk mengurangkan penggunaan candu dengan mengurangkan lesen menjual candu. Pada masa yang sama, Lembaga Penasihat Cina dan Persatuan Perdagangan Singapura juga memberi cadangan kepada kerajaan British agar mengurangkan pemberian lesen

menjual candu ke atas pemilik lesen menjual candu yang sedia ada (CO273/525/18501, 1924). Dengan cara ini, lesen menjual candu akan berkurang dari semasa ke semasa dan ini dapat mengurangkan penggunaan dan perdagangan candu di Singapura.

Di Pulau Pinang pula, terdapat juga usaha yang dijalankan oleh orang Cina untuk mengurangkan penggunaan dan perdagangan candu. Contohnya, di Pulau Pinang, banyak perjumpaan-perjumpaan telah dilakukan untuk bertemu dengan masyarakat Cina di Pulau Pinang bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat. Antara perjumpaan yang diadakan di Pulau Pinang ialah perjumpaan pada 26 Oktober 1906 di Dewan Bandar Cina (*Chinese Town Hall*), Pulau Pinang. Seramai dua ribu orang yang telah hadir dalam perjumpaan tersebut. Perjumpaan tersebut dipengerusi oleh J.G. Alexander (Setiausaha Penghapusan Perdagangan Candu atau *Suppression of Opium Trade*). Perjumpaan tersebut memberi peluang kepada masyarakat Cina untuk menyuarakan ketidakpuasan mereka. Antara ketidakpuasan mereka termasuk ketidakpuasan terhadap sistem undang-undang sedia ada yang memihak kepada pedagang Cina yang giat mengusahakan perdagangan candu. Undang-undang yang sedia ada membenarkan candu untuk diperdagangkan bagi mendapatkan keuntungan yang lumayan kepada para pedagang Cina dan kerajaan British. Sistem undang-undang yang sedia ada juga menyebabkan perdagangan candu semakin meningkat.

Oleh itu, dalam perjumpaan di Pulau Pinang, mereka mendesak kerajaan British agar menghapuskan sistem yang sedia ada dan digantikan kepada sistem yang baru seperti sistem di Australia dan New Zealand di mana di kedua-dua negara ini, perdagangan candu adalah tidak dibenarkan. Malahan candu juga diharamkan. Dalam perjumpaan tersebut, orang Cina juga mendesak agar kerajaan membantu penagih-penagih candu untuk membebaskan diri daripada amalan menghisap candu. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh orang Cina untuk membebaskan masyarakat Cina daripada candu demi kesejahteraan dan kemajuan masyarakat Cina (CO273/324/43288. 1906).

### *Penubuhan Suruhanjaya Anti-Candu*

Walaupun terdapat pertubuhan atau persatuan anti candu di Negeri-negeri Selat, namun pertubuhan tersebut tidak memainkan peranan yang penting. Hal ini dikatakan sedemikian kerana di Negeri-negeri Selat, pertubuhan anti-candu tidak bebas untuk menjalankan aktiviti. Gerakan mereka terkongkong dan kurang aktif. Apabila Suruhanjaya Anti-Candu ditubuhkan pada Julai 1908, maka kita dapat melihat bahawa gerakan anti-candu semakin berkembang. Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada penubuhan Suruhanjaya Anti-Candu. Antara faktor adalah untuk mengkaji kesan-kesan yang akan berlaku sekiranya candu diharamkan. Mulai 1900an, kesedaran untuk membasmi penggunaan dan perdagangan candu telah berkembang di dunia. Kuasa-kuasa seperti Amerika Syarikat dan China mula mengambil tindakan yang serius ke atas penggunaan dan perdagangan candu.

Fenomena yang berlaku di peringkat antarabangsa telah mempengaruhi kerajaan British. Kerajaan British mengetahui bahawa candu akan dibasmi penggunaan dan perdagangan pada satu hari nanti. Oleh itu, Suruhanjaya Anti-Candu ditubuhkan sebagai usaha awal bagi meninjau dan mencari langkah-langkah untuk membasmi penggunaan dan perdagangan candu. Selepas Suruhanjaya Anti-Candu ditubuhkan, maka dapat dilihat bahawa pertubuhan-pertubuhan yang memperjuangkan agar penggunaan dan perdagangan candu dibasmi mula menjadi aktif. Pertubuhan-pertubuhan anti-candu mengambil kesempatan untuk menjalankan aktiviti anti-candu dan meningkatkan kesedaran supaya penggunaan candu dapat dikurangkan. Maka gerakan anti-candu yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan anti-candu pun semakin giat. Antara usaha yang dilakukan termasuk menjalankan kempen-kempen untuk menentang penggunaan dan perdagangan candu. Kempen-kempen yang dijalankan oleh mereka berbentuk terang-terangan. Pertubuhan-pertubuhan anti-candu mengadakan ceramah dan perjumpaan untuk membincangkan usaha-usaha mengharamkan candu di samping menyedarkan masyarakat yang menghisap candu. Pada masa yang sama, risalah juga diedarkan kepada masyarakat tempatan (CO273/347/18153, 1909). Gerakan membasmi penggunaan dan perdagangan candu

telah dipelopori oleh golongan atasan dan pada masa yang sama juga disertai oleh masyarakat bawahan (CO273/356/5074, 1909).

Memandangkan candu secara majoriti digunakan oleh orang Cina, maka orang Cina merupakan masyarakat yang giat terlibat dalam gerakan anti-candu. Golongan atasan Cina yang berpendidikan terlibat dalam gerakan anti-candu kerana mereka menginginkan kehidupan yang lebih baik untuk masyarakat Cina. Golongan bawahan terlibat dalam gerakan anti-candu kerana mereka dipengaruhi oleh kempen-kempen yang dijalankan. Selepas Suruhanjaya Anti-Candu ditubuhkan, orang Inggeris turut terlibat dalam usaha membasmi penggunaan dan perdagangan candu atas dua sebab. Pertamanya adalah atas sebab agama. Paderi Kristian menyeru pengharaman penggunaan candu kerana penggunaan candu adalah tidak baik dari segi agama. Kedua adalah atas desakan kuasa-kuasa besar dunia. Memandangkan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Belanda dan sebagainya turut bersetuju untuk membasmi penggunaan dan perdagangan candu, British sebagai salah satu anggota terpaksa akur dengan perjanjian dan menuahkan Suruhanjaya Anti-Candu bagi menjalankan usaha-usaha anti-candu.

#### *Penjualan candu di rumah pelacuran diharamkan*

Candu adalah dibenarkan untuk dijual di rumah pelacuran. Untuk membasmi penggunaan dan perdagangan candu dengan lebih berkesan, undang-undang baru telah digubal oleh kerajaan Negeri-negeri Selat pada tahun 1908. Menurut undang-undang tersebut, rumah pelacuran tidak lagi dibenarkan untuk menjual candu. Undang-undang baru tersebut telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap penjualan candu di Negeri-negeri Selat khususnya Singapura. Rumah pelacuran di Singapura adalah banyak kerana lelaki Cina di Singapura adalah ramai. Lelaki Cina khususnya buruh Cina yang bujang dan muda sering kali mengunjungi rumah pelacuran. Selain lelaki bujang Cina, lelaki Cina yang meninggalkan keluarga dan isterinya di China turut mengunjungi rumah pelacuran. Kebanyakan buruh Cina adalah rajin dan bekerja dengan kuat. Mereka berusaha untuk mencari duit dan membawa kekayaan balik ke China. Apabila mereka sudah bekerja keras justeru, mereka akan mencari hiburan. Antara hiburan lelaki Cina termasuklah mengunjungi rumah pelacuran, menghisap candu dan berjudi (Yen Ching-Hwang, 1987).

Apabila candu tidak lagi dibenarkan untuk dijual di rumah pelacuran, lantas perdagangan candu turut terjejas. Ini kerana sebelum ini rumah pelacuran merupakan tempat yang menjual candu. Setiap bulan, rumah pelacuran di Singapura menjual lebih daripada 15,000 tahil candu. Setiap tahil candu membawa keuntungan \$2 hingga \$60. Ini bermaksud, jualan candu di rumah pelacuran akan mencatat nilai jualan lebih kurang \$39,000 sebulan. Tradisi ini telah berlangsung selama 20 tahun atau lebih dan ini telah membawa kepada pendapatan yang lumayan kepada kerajaan Negeri-negeri Selat. Namun, apabila undang-undang 1908 menetapkan bahawa candu tidak lagi boleh dijual di rumah pelacuran, maka penjualan candu telah menurun secara mendadak (CO273/347/18153, 1909). Jadual 1 menunjukkan penjualan candu di Singapura.

Jadual 1. Penjualan Candu di Singapura Kesan daripada Pengharaman Penjualan Candu di Rumah Pelacuran pada Tahun 1908

Bulan	Jumlah jualan candu (tahil)
Ogos	101,463
September	94,117
October	94,677
November	86,536

Sumber: Dipetik daripada CO273/347/18153, *Petition of Singapore Opium Farmers*, Surat daripada Cashin AW kepada Arthur, 6 Mei 1909

Jadual 1, dapat dilihat bahawa penjualan candu di rumah pelacuran adalah semakin berkurangan. Hal ini adalah disebabkan oleh pengharaman penjualan candu di rumah pelacuran oleh British. Apabila jualan candu di rumah pelacuran semakin berkurangan, maka para pemilik

sistem pajak candu tidak mampu membayar sewa (CO273/347/18153, 1909). Kesannya, kerajaan kemudiannya mengambil alih perdagangan candu dan memonopoli segala urusan yang berkaitan dengan candu. Maka dapat dilihat bahawa undang-undang yang dikuatkuasakan pada tahun 1908 telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap perdagangan dan penggunaan candu.

#### *Kerajaan memonopoli candu dan menubuhkan pusat kilang candu*

Idea untuk memonopoli segala urusan candu dan menamatkan sistem pajak gadai candu telah dicetuskan oleh Gabenor Negeri-negeri Selat iaitu John Anderson pada tahun 1909. John Anderson memberi cadangan untuk menubuhkan sebuah pusat kilang candu di Singapura. Di bawah pusat kilang candu tersebut, semua candu akan dihasilkan di Singapura dan Singapura akan berfungsi sebagai pusat yang menawarkan candu di Tanah Melayu. Melalui pusat kilang candu tersebut juga, segala urusan candu di Tanah Melayu akan di bawah kawalan langsung British. Sistem baru ini akan menggantikan sistem pajak gadai candu di negeri-negeri di Tanah Melayu seperti Melaka, Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Singapura. Kontrak sistem pajak gadai candu di kawasan-kawasan tersebut bakal ditamatkan. Selepas kontrak tersebut tamat, akan bermulanya monopoli kerajaan ke atas segala urusan yang berkaitan dengan candu (CO273/347/24087, 1909). Di antara negeri-negeri di Tanah Melayu, sistem pajak gadai candu yang paling awal ditamatkan ialah sistem pajak gadai candu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Selat, Kedah dan Johor. Di kawasan-kawasan tersebut, kerajaan telah mula monopoli candu pada 1 Januari 1910. Di Perlis pula, kerajaan telah mula monopoli candu pada 12 April 1910. Manakala di Terengganu, monopoli candu bermula pada 2 Mac 1917. Apabila kerajaan British memonopolikan candu di kawasan-kawasan tersebut, maka segala urusan perdagangan dan pengimportan candu wajib dilaksanakan melalui Singapura (CO273/399/22173, 1913).

Selepas pelbagai usaha membasmi penggunaan dan perdagangan candu dilaksanakan, maka kegiatan penyeludupan candu telah berkembang. Pulau Pinang dan Singapura yang merupakan pelabuhan-pelabuhan bebas mempunyai masalah penyeludupan candu. Justeru, undang-undang yang ketat telah dilaksanakan. Sehubungan itu, hanya Negeri-negeri Selat khususnya Singapura yang boleh mengimport candu mentah. Segala urusan candu dilaksanakan oleh kerajaan. Kerajaan telah menjual candu dan menetapkan harga candu pada satu harga yang sangat tinggi. Pada masa yang sama, hanya mereka yang mempunyai lesen dibenarkan untuk membeli candu. Matlamat dasar-dasar tersebut adalah untuk mengurangkan penggunaan dan perdagangan candu dalam kalangan masyarakat tempatan. Selepas sistem pajak gadai candu ditamatkan, pendapatan British di Tanah Melayu tidak mengalami kejatuhan yang mendadak. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kerajaan tidak lagi mendapat sewa atau cukai melalui orang tengah, sebaliknya kini segala urusan candu diletakkan di bawah kawalan langsung kerajaan British.

Penubuhan pusat kilang candu di Singapura adalah sangat penting sebagai tempat yang membekalkan candu kepada negeri-negeri dan masyarakat di Tanah Melayu. Di pusat kilang candu di Singapura, candu mentah akan diproses. Candu yang diproses kemudiannya dibungkus dan diedarkan untuk tujuan penjualan. Pada masa yang sama, Singapura juga akan mengeksport candu yang siap diproses ke Kuala Lumpur dan Pulau Pinang untuk dibungkus. (CO273/525/18501, 1924). Monopoli kerajaan British bukan sahaja terhadap perdagangan candu, tetapi pada masa yang sama juga berhak untuk menentukan harga candu. Pada tahun 1919, kerajaan British telah menaikkan harga candu iaitu daripada \$10 kepada \$12 setahil candu di Negeri-negeri Selat. Tujuannya adalah untuk meningkatkan harga candu supaya masyarakat tidak mampu untuk membeli banyak candu. Pada masa yang sama, penggunaan dan penjualan candu juga dikurangkan dari semasa ke semasa melalui catuan iaitu penetapan kuantiti jualan candu yang tetap. Tujuannya adalah untuk mengurangkan perdagangan dan penggunaan candu dalam kalangan masyarakat (CO273/485/70831, 1919). Catuan candu adalah penting. Hal ini dikatakan sedemikian kerana catuan candu dapat mengawal penggunaan candu. Strategi untuk

menaikkan harga cанду adalah kurang berkesan dari segi jangka panjang. Ini kerana upah pekerja akan dinaikkan sehingga pekerja mampu membeli cанду. Oleh itu, cara terbaik untuk menghentikan penggunaan cанду adalah menghapuskan cанду daripada pasaran dan ini boleh dilakukan secara catuan iaitu pengurangan penggunaan cанду dari semasa ke semasa (CO273/489/73564, 1919).

#### *Menyekat import dan eksport cанду*

Untuk mengurangkan penggunaan dan perdagangan cанду di Negeri-negeri Selat, adalah sangat penting untuk menyekat import dan eksport cанду. Sekatan import dan eksport cанду di sini bermaksud cанду tidak lagi boleh diperdagangkan secara bebas. Pengekspor tan cанду hanya boleh pergi ke jajahan Indo-China, Siam, jajahan dan negeri naungan British, negeri-negeri British dan United Kingdom. Sebenarnya, langkah-langkah untuk membuat sekatan ke atas import dan eksport cанду sudah pun dilakukan pada tahun 1909 melalui Ordinan Cанду 1909. Namun, sekatan pada tahun 1909 adalah kurang ketat. Sekatan yang ketat hanya dilakukan pada tahun 1919. Melalui sekatan cанду 1919, penggunaan dadah seperti kokain (*cocaine*), morfin dan cанду harus diharamkan di seluruh dunia (CO273/485/70831, 1919).

Untuk membuat sekatan import dan eksport cанду, seorang Pengawas Cанду dan Minuman Keras telah dilantik untuk mengawasi perdagangan cанду dan minuman keras. Usaha kerajaan British untuk menyekat import cанду adalah amat berkesan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana hanya terdapat sebuah gudang cанду yang dibenarkan untuk mengimport cанду mentah pada tahun 1919 iaitu gudang cанду di Singapura. Dalam sekatan import dan eksport cанду, kerajaan British menetapkan bahawa tiada sesiapa pun yang boleh memiliki cанду mentah tanpa kebenaran mengikut Perkara 11(1).

Malah, pemindahan cанду dari satu tempat ke satu tempat hanya boleh dilakukan dengan permit kerajaan dan juga menepati undang-undang dalam Perkara 33(1). Selain itu, kerajaan British juga menetapkan undang-undang bahawa pindahan cанду dari satu tempat ke satu tempat yang lain adalah tidak dibenarkan kecuali di Indo-China, Siam dan kawasan British. Hal ini bermaksud cанду tidak lagi boleh dieksport ke Macau dan China. Cанду hanya boleh dieksport ke Indonesia, Sarawak, Borneo Utara British, Indo-China dan Siam. Hanya Pengawas Cанду yang boleh melakukan pemprosesan cанду daripada cанду mentah ke cанду siap. Sesiapa yang menghasilkan cанду daripada cанду mentah akan didenda di bawah Perkara 11(1). Ini bermaksud, hanya pusat kilang kerajaan di Singapura yang boleh mengimport dan memproses cанду mentah. Singapura akan memproseskan cанду dan cанду yang diproses akan dibungkus dalam satu bungkus yang istimewa dan dalam kuantiti yang ditetapkan. Ini memudahkan kerajaan untuk mengenal pasti bahawa cанду di pasaran semua hanya dikeluarkan oleh kerajaan (CO273/485/70831, 1919). Dengan adanya sekatan import dan eksport cанду, hanya Singapura yang boleh mengimport dan mengekspor cанду di Tanah Melayu. Oleh itu, kerajaan British boleh mengawal masalah penyeludupan cанду kerana segala urusan perdagangan cанду adalah diuruskan oleh Singapura. Hal ini bermaksud negeri-negeri lain tidak lagi mempunyai hak untuk mengimport cанду dari tempat lain kerana semua cанду akan dibekalkan oleh Singapura. Di bawah sekatan ini, Singapura boleh menentukan jumlah kuantiti cанду yang digunakan di Tanah Melayu dan seterusnya mengurangkan pembekalan cанду dari semasa ke semasa. Maka usaha ini dapat membawa kepada pengurangan penggunaan dan perdagangan cанду di Tanah Melayu.

#### *Kawalan penyeludupan cанду*

Pelbagai undang-undang juga digubal untuk mengatasi masalah penyeludupan cанду. Contohnya, dalam Ordinan Cанду 1894, perkara 13 menyatakan bahawa mana-mana kapal pengangkutan yang menyeludup cанду dan bertentangan dengan ordinan ini akan dilucutkan hak untuk mengangkut barang. Kapal tersebut juga akan akan disita dan ditahan oleh Ketua Pegawai Polis. Mereka juga akan dihukum mengikut undang-undang. Perkara 13 juga

menyatakan bahawa mana-mana kapal yang memiliki lebih daripada 10 pound candu akan diambil tindakan. Walau bagaimanapun, Ordinan Candu 1894 tidak lengkap dari segi pelaksanaannya dan kemudiannya Ordinan Candu 1906 telah menggantikan Ordinan Candu 1894. Menurut Ordinan Candu 1906, sesiapa yang menyeludup candu akan didenda tidak lebih daripada \$5,000 dan untuk mendapat balik kapal tersebut, denda tidak lebih daripada \$5,000 juga akan dikenakan (CO273/347/28234, 1909). Maka kita dapat melihat bahawa Ordinan Candu 1906 adalah lebih ketat dari segi pengawasan dan pengubalan undang-undangnya.

Kerajaan juga memonopoli perdagangan candu untuk menyekat penyeludupan candu. Hal ini dikatakan sedemikian kerana apabila kerajaan telah menggubal pelbagai undang-undang untuk mengurangkan penggunaan dan perdagangan candu, masalah penyeludupan candu telah berlaku. Contohnya, banyak kapal dari China telah cuba menyeludup candu ke Tanah Melayu. China dilihat sebagai negara utama yang menyeludup candu. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pada 1920-an, China merupakan negara yang menghasilkan candu yang banyak. Malahan, British pernah menyaksikan bahawa terdapat beratus-ratus tan kiriman candu di negara China. Oleh itu, tidak hairan bagi negara China untuk menyeludup candu. Pada tahun 1923, China sudah pun mampu membekalkan 186 tan candu bagi menampung ketidakcukupan candu di seluruh Tanah Melayu termasuk di Negeri-negeri Selat. Kegiatan penyeludupan candu adalah senang dijalankan di Tanah Melayu kerana ada kawasan pantai, kawasan gunung-ganang dan juga hutan (CO273/525/18501, 1924).

Memandangkan kegiatan penyeludupan candu akan mengganggu usaha membasmi perdagangan dan penggunaan candu di Tanah Melayu, kerajaan British pun menetapkan undang-undang yang tegas dan menjalankan pengawasan bagi mengatasi masalah ini. Kerajaan British telah bekerjasama dengan kuasa kolonial yang lain seperti Belanda bagi memastikan penyeludupan candu di Selat Melaka dapat dikawal dengan lebih berkesan. Melalui sekatan dan kerjasama dengan negara jiran, masalah penyeludupan candu dapat diatasi dengan lebih berkesan. Usaha ini juga dapat mengurangkan penggunaan dan perdagangan candu kerana penggunaan candu telah dikawal oleh kerajaan British dan masyarakat tempatan sukar untuk memperoleh candu haram.

#### *Hospital kerajaan ditubuhkan sebagai pusat pemulihan candu*

Candu telah menyumbang pendapatan yang sangat lumayan kepada kerajaan British. Hal ini dikatakan sedemikian kerana ramai masyarakat Cina yang ketagih kepada candu. Untuk membasmi penggunaan candu, maka Persatuan Perdagangan Cina Singapura memberi cadangan kepada British untuk menubuhkan Hospital Kerajaan. Tujuannya adalah untuk dijadikan sebagai pusat pemulihan candu. Melalui Hospital Kerajaan, rawatan akan diberi untuk mengubati penagih candu. Pada masa yang sama juga untuk membantu mereka bebas daripada candu. Cadangan ini mendapat sokongan daripada William E. Horley. Beliau berpendapat bahawa kerajaan British patut menggunakan satu peruntukan untuk menubuhkan Hospital Kerajaan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kerajaan British sudah pun memperoleh keuntungan yang sangat lumayan daripada perdagangan candu selama ini. Oleh itu, sudah tiba masa bagi kerajaan British agar menubuhkan Hospital Kerajaan untuk memberi rawatan kepada masyarakat yang menggunakan candu (CO273/356/5074, 1909).

Sebenarnya, hospital yang sama juga ditubuhkan di China. Di China, Jawatankuasa Anti-Candu telah menubuhkan hospital anti-candu. Hospital anti-candu di China mempunyai kemudahan yang lengkap untuk membantu para penagih candu menghilangkan ketagihan candu. Usaha membebaskan candu di China giat dilakukan. Buktinya, dapat dilihat bahawa hampir semua wilayah di China mempunyai hospital yang memberi rawatan kepada penagih candu. Terdapat hospital anti-candu di China yang memberi rawatan percuma kepada penagih candu. Mereka mampu memberi rawatan percuma kerana mereka menerima satu peruntukan daripada kerajaan. Pada masa yang sama, terdapat juga hospital yang mengenakan bayaran (Alan Baumler, 2007).

Keadaan yang sama juga dapat dilihat di Negeri-negeri Selat di mana Jawatankuasa Candu British Melayu telah menubuhkan hospital anti-candu dan memberi rawatan percuma kepada penagih candu. Malahan di Hospital Kerajaan Melaka, Pulau Pinang dan Singapura, wad-wad yang khas telah ditubuhkan. Tujuannya adalah untuk memberi rawatan percuma kepada mereka yang ketagih dengan candu (CO273/529/52452, 1925). Untuk mengubati ketagihan penagih candu, Hospital Kerajaan akan memasukkan sejenis tumbuhan yang dikenali sebagai tumbuhan 'Kiki' ke dalam candu dan kemudiannya memberi kepada pesakit. Daripada pengambilan campuran candu dengan tumbuhan 'Kiki', ketagihan dapat dikurangkan secara berperingkat (CO273/329/14091). Ini bermaksud jumlah kandungan candu dalam campuran candu akan dikurangkan dari semasa ke semasa dan digantikan dengan tumbuhan 'Kiki' yang mempunyai fungsi untuk mengubati ketagihan candu. Apabila seseorang penagih candu mendapat rawatan secara konsisten, mereka dapat membebaskan diri daripada penggunaan candu. Penubuhan Hospital Kerajaan dilihat sebagai satu langkah yang baik kerana rawatan percuma telah diberi kepada mereka yang ketagih dengan candu. Melalui rawatan yang diberikan, mereka akan pulih dan tidak perlu bergantung pada candu lagi. Kesannya, penggunaan dan perdagangan candu di Negeri-negeri Selat akan berkurang.

#### *Mewajibkan pendaftaran bagi penghisap candu pada tahun 1928*

Pada tahun 1928, kerajaan telah mewajibkan semua penghisap candu agar mendaftar untuk mendapatkan kebenaran daripada kerajaan untuk menghisap candu. Pendaftaran untuk candu telah dicadangkan dalam konvensyen candu yang diadakan di The Hague. Konvensyen tersebut mencadangkan agar para pengguna candu wajib untuk mendaftar. Bagi pendaftaran tiga bulan yang pertama, tiada apa-apa bayaran yang dikenakan. Bagi dua bulan yang seterusnya, bayaran \$1 perlu dikenakan. Pada bulan keenam, bayaran yang lebih tinggi akan dikenakan. Begitu juga dengan bayaran selepas enam bulan di mana bayaran yang lebih tinggi akan dikenakan ke atas setiap pendaftaran. Dalam konvensyen tersebut juga mencadangkan agar sistem ini digunakan di semua negara kecuali di negara China. Ini bermaksud, selepas enam bulan, di China, tidak boleh ada apa-apa pendaftaran candu. Di bawah sistem pendaftaran ini, semua pendaftar candu akan diberi lesen. Lesen tersebut akan melampirkan cap ibu jari kanan dan juga gambar pendaftar. Lesen tersebut juga akan mencatat kuantiti yang boleh dibeli oleh para pendaftar. Selain itu, kupon pembelian candu juga akan diberi kepada mereka yang berjaya mendaftar. Dengan adanya kupon dan juga lesen, barulah seseorang itu boleh memberi candu. Namun, mereka tidak dapat membeli candu lagi sekiranya kupon pembelian candu mereka telah habis. Sesiapa yang menghilangkan kupon candu ataupun hilang candu yang dibeli juga akan didenda sebanyak dua kali ganda. Tanah Melayu yang turut terlibat dalam konvensyen Hague juga perlu menjalankan dasar-dasar seperti yang telah ditetapkan (CO273/489/73564, 1919).

Pada tahun 1928, Negeri-negeri Selat telah melaksanakan pendaftaran tersebut. Walau bagaimanapun, usaha tersebut telah menghadapi cabaran pada permulaannya. Usaha ini hanya mula berkesan pada tahun 1933. Pada tahun 1933, Setiausaha Koloni iaitu P. Cunliffe-Lister meminta Clementi iaitu Gabenor Negeri-negeri Selat untuk melancarkan beberapa dasar. Dasar pertama adalah tidak membenarkan imigran Cina yang mempunyai amalan menggunakan candu untuk masuk ke Negeri-negeri Selat. Kedua, satu tarikh bagi pendaftaran penggunaan candu akan ditetapkan. Tiada sesiapa lagi yang boleh mendaftar selepas tarikh tersebut. Ketiga, catuan penggunaan candu akan ditetapkan kepada mereka yang sudah mendaftar. Ini bermaksud, penggunaan candu akan dikurangkan dari semasa ke semasa (Harumi Goto-Shibata, 1925). Pelbagai usaha telah dilakukan bagi membasmi perdagangan dan penggunaan candu di Negeri-negeri Selat.

#### *Mengatasi masalah dros candu*

Satu lagi masalah yang perlu dihadapi oleh kerajaan untuk membasmi penggunaan dan perdagangan candu adalah dros candu. Dros candu merupakan saki baki yang tinggal selepas

menghisap candu. Untuk membasi penggunaan candu, perkara 7 dalam Ordinan Candu menetapkan seseorang itu juga tidak boleh memiliki lebih daripada 1 tahil dros candu (CO273/509/ 15449, 1921). Undang-undang ini adalah penting. Sebenarnya, seseorang itu tidak akan mendapat kesan yang buruk sekiranya menggunakan candu secara sederhana. Namun, penggunaan dros candu akan membahayakan tubuh badan. Biasanya, dros candu digunakan untuk dihisap. Terdapat juga yang makan dros candu. Namun, masih terdapat ramai yang mengambil dros candu kerana harga candu semakin tinggi dan mereka tidak mampu untuk membeli candu. Menurut para analisis Negeri-negeri Selat, seorang penghisap candu biasanya akan menghisap  $17 \frac{1}{2}$  grains candu sehari. Ini bermaksud, daripada  $17 \frac{1}{2}$  grains penghisapan candu, seseorang itu akan menerap 0.0175 grains morfin. Seseorang itu akan mengambil lebih kurang separuh grains morfin jika setiap hari menghisap candu. Keadaan ini adalah berbeza jika dibandingkan dengan memakan dros candu. Daripada  $17 \frac{1}{2}$  grains candu, 7 grains dros candu akan dihasilkan dan kandungan morfin dalam dros candu adalah sebanyak 5.65%. Seseorang yang makan dros candu hasil daripada  $17 \frac{1}{2}$  grains akan mengambil 0.3955 grains morfin. Seseorang yang menghisap candu dan makan dros candu setiap hari akan menerap 0.413 grains morfin setiap hari (CO273/525/18501, 1924) di mana ini akan merosakkan tubuh badan.

Oleh kerana dros candu akan merosakkan tubuh badan, maka pusat kilang candu Singapura tidak memperdagangkan atau menghasilkan dros candu. Pusat kilang candu kerajaan hanya menghasilkan candu yang siap diproses atau menghasilkan candu yang tulen. Mereka yang menghisap candu kemudiannya akan menjual atau mengguna semula dros candu tersebut dan hal ini telah menjadi halangan kepada kerajaan British untuk mengurangkan penggunaan dan perdagangan candu di Negeri-negeri Selat. Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan telah mengambil inisiatif iaitu membeli semula dros candu yang terdapat di pasaran. Usaha ini dilakukan kerana terdapat penjualan dros candu secara haram di pasaran. Malahan menurut Jawatankuasa Candu British Malaya, dros candu dijual sebanyak \$12 setahil. Harga ini dikatakan tinggi kerana kerajaan hanya membeli dros candu ini dengan \$4.50 setahil. Untuk menghapuskan dros candu, kerajaan merancang untuk membeli dros candu dengan harga yang lebih tinggi iaitu \$10. Sehubungan dengan itu, dros candu tidak lagi menjadi hak milik individu dan setiap dros candu selepas penghisapan candu akan dikutip balik. Dengan usaha ini, Jawatankuasa Candu British Malaya yakin bahawa penggunaan candu di British Malaya dapat dikurangkan (CO273/525/18501, 1924).

### *Gerakan Anti-Candu Pada 1930-an*

Penggunaan candu telah menjadi semakin kurang selepas pelbagai usaha yang dilakukan. Pada 1930-an, usaha anti-candu masih dilakukan di mana langkah-langkah yang lebih tegas telah diambil. Pada tahun 1933, kerajaan mengehadkan pembelian candu. Setiap orang yang mempunyai lesen membeli candu hanya dibenarkan membeli candu tidak lebih daripada 4 chi sehari. Sehubungan dengan itu, setiap orang tidak dibenarkan untuk memiliki candu yang lebih daripada 5 tahil. Untuk mengurangkan penggunaan dan perdagangan candu, pendaftaran candu akan ditutup selepas 31 Disember 1934 (CO273/588/13034, 1933). Hal ini bermaksud selepas 31 Disember 1934, tiada sesiapa pun yang dibenarkan untuk membuat pendaftaran candu. Usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan dilihat sebagai satu inisiatif yang baik untuk mengurangkan penggunaan candu dalam kalangan penghisap candu secara berperingkat.

Pada tahun 1943, pengharaman candu telah dilakukan. Pada bulan Oktober 1943, Belanda telah memberitahu Britain bahawa Belanda telah mengambil keputusan iaitu tidak membenarkan penggunaan candu di Hindia Timur Belanda. Ini bermaksud, penghisapan candu di koloni Belanda akan diharamkan sepenuhnya. Walaupun Belanda telah memaklumkan keputusan ini kepada Amerika Syarikat, tetapi Amerika Syarikat menangguhkan pengisytiharan keputusan tersebut sementara menunggu keputusan British. Atas dasar yang dilakukan dan juga pelbagai konvensyen yang diadakan di peringkat antarabangsa, British turut mengharamkan penggunaan dan perdagangan candu di koloninya. Pada 30 Oktober, British memberitahu Amerika Syarikat dan Belanda bahawa British akan mengumumkan pengharaman penghisapan

candu secara rasmi pada 10 November 1943 (Harumi Gota-Shibata, 2006). Maka secara rasminya, penghisapan candu diharamkan di Tanah Melayu pada tahun 1943.

## Kesimpulan

Secara tuntasnya, pelbagai usaha telah dilaksanakan dalam usaha untuk membasmi penggunaan dan perdagangan candu. Dalam usaha membasmi penggunaan dan perdagangan candu di Negeri-negeri Selat, masyarakat Cina dan kerajaan British memainkan peranan yang sangat penting. Masyarakat Cina merupakan pengguna candu yang paling dominan dan mereka juga merupakan golongan yang menentang penggunaan candu demi mencapai kehidupan yang lebih baik. Masyarakat Cina melaksanakan gerakan anti-candu melalui pertubuhan-pertubuhan anti-candu Cina, persatuan-persatuan Cina, perjumpaan-perjumpaan dan juga melalui akhbar. Semua usaha yang dilaksanakan oleh masyarakat Cina secara tidak langsungnya telah memberi kesan ke atas penggunaan candu. Selain itu, dalam gerakan anti-candu, pihak British juga melakukan beberapa usaha yang membawa kepada pengurangan penggunaan dan perdagangan candu. Antaranya adalah mengharamkan penjualan candu di rumah pelacuran, memonopoli semua urusan yang berkaitan dengan candu, menubuhkan hospital kerajaan sebagai pusat pemulihan candu dan sebagainya. Semua usaha ini telah membawa kepada pengurangan penggunaan dan perdagangan candu.

## Rujukan

- Alan Baumler (2007) *The Chinese and opium under the republic: Worse than floods and wild beasts*. State University of New York Press, United States of America.
- Cheng U. Wen. (1961) Opium in the Straits Settlements, 1867-1910. *Journal of Southeast Asian History* 2, 52-75.
- CO273/324/43288. 31 Oktober 1906. *Meeting of Penang residents : Opium trade*.
- CO273/347/18153. 6 Mei 1909. *Petition of Singapore opium farmers*. Surat daripada A.W Cashin kepada Arthur Young (Setiausaha Koloni Negeri-negeri Selat).
- CO273/347/24087. 24 Julai 1909. *Opium and spirit monopoly*. Surat daripada John Anderson kepada Cox.
- CO273/347/28234. 29 Julai 1909. *Legislation against opium smuggling*. Memorandum.
- CO273/356/5074. 8 Februari 1909. W.E. Horley: *Opium Commission*, Surat daripada W.E. Horley kepada kerajaan koloni.
- CO273/399/22173. 5 Jun 1913. *International opium convention*. Memorandum dalam Konvensyen Candu Antarabangsa.
- CO273/485/70831. 27 Oktober 1919. *Abolition of Opium Smoking*, Laporan oleh D. Beatty dan G. Gordon Wilson.
- CO273/489/73564. 25 November 1919. *Reduction and control of opium consumption*. Konvensyen Candu.
- CO273/503/63241. 30 November 1920. *Opium*. Surat Laurence Nunns Guillenard kepada kerajaan British.
- CO273/509/15449. 28 Februari 1921. *Opium statistics 1920*. Surat daripada Laurence Nunns Guillenard kepada Kerajaan British.
- CO273/525/18501. 18 Mac 1924. *Opium : 1924 Opium Committee Rept*. Laporan Jawatankuasa Candu British Malaya.
- CO273/529/52452. 26 Oktober 1925. *Opium Conference*. Artikel Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
- CO273/565/7211. 1930. *Opium Policy*.
- CO273/588/13034. 1933. *Opium revenue replacement reserve fund*. Surat C. Clementi kepada Kerajaan British.

- \_\_\_\_\_(1990) *Opium and empire : Chinese society in Colonial Singapore, 1900-1910*. Cornell University Press, United States of America.
- \_\_\_\_\_(1999) *Opium, empire and the global political economy: A study of the Asian opium trade 1750-1950*. Routledge, London and New York.
- \_\_\_\_\_(2002). Opium and the beginnings of Chinese capitalism in Southeast Asia, *Journal of Southeast Asian Studies* **33**, 287-314.
- Harumi Goto-Shibata (2006) Empire on the cheap: The control of opium smoking in the Straits Settlements, 1925-1939. *Modern Asian Studies* **40**, 59-80.
- Trocki CA (1987) The rise of Singapore's great opium syndicate, 1840-86. *Journal of Southeast Asian Studies* **18**, 58-80.
- Toda K (2012) Anti-opium movement, Chinese nationalism and the Straits Chinese in the early twentieth century. *Malaysian Journal of Chinese Studies* **1**, 85-100.
- Nordin Hussin (2007) *Trade and Society In the Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*. NUS Press, Singapore.
- Yen Ching-Hwang (1987) Class structure and social mobility in the Chinese community in Singapore and Malaya 1800-1911. *Modern Asian Studies* **21**, 417-445.